

Lelaki dipenjarakan kerana memandu di bawah pengaruh alkohol

SIBU: Seorang lelaki berusia 34 tahun dijatuhi hukuman penjara sehari dan didenda RM10,000 jika gagal membayar, dikenakan penjara sebulan oleh Mahkamah Majistret di sini semalam atas kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol.

Majistret Romario Jono menjatuhkan hukuman tersebut selepas Abdul Rahman Azlan dari Kampung Sentosa Salim mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Mahkamah juga mengarahkan tertuduh disenaraihitamkan daripada memegang lesen memandu selama dua

tahun.

Seksyen tersebut mempe-
runtukkan hukuman penjara tidak melebihi dua tahun dan denda minimum RM10,000 serta maksimum penjara lima tahun dan denda tidak kurang RM20,000 untuk kesalahan seterusnya.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Abdul Rahman didapati menunggang motosikal dengan kepekatan alkohol 245 miligram per 100 mililiter, melebihi had ditetapkan iaitu 50mg per 100ml pada 27 September kira-kira jam 10.30 malam di Jalan Channel di sini.

Dia gagal membayar denda tersebut.